

■ Penduduk diarah ke pusat perlindungan bencana di Kapar

Iskandar Shah Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

Klang

Ratusan penduduk Kampung Tok Muda, Kapar, di sini, memenuhi pusat pemindahan mangsa bencana sebagai persediaan menghadapi banjir berikutan ramalan fenomena air pasang besar dijangka berlaku di kawasan itu, pagi ini.

Sehingga lewat petang semalam, 215 daripada 49 keluarga berpindah ke Dewan Kampung Tok Muda, di sini, yang mula dibuka sejak jam 2 petang.

Ia merangkumi keseluruhan 75 keluarga yang turut dipindahkan di sekitar daerah Sabak Bernam dan Klang.

Tinjauan mendapati penduduk sibuk mengalihkan barangan ke tempat paling tinggi dalam rumah dan mereka hanya membawa dokumen penting serta pakaian.

Penduduk, Siti Ruzila Kasdar, 46, berkata, kawasan kediamannya merangkumi lima rumah ahli ke-



ANGGOTA Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bersama sukarelawan mengangkat peralatan di pusat pemindahan.

uarga lain paling teruk terjejas dalam fenomena itu sebelum ini kerana terletak berdekatan ban.


"Dalam kejadian pada September lalu, saya tidak sempat menyelamatkan apa-apa dan air naik sehingga paras pinggang. Semua barang elektrik rosak ketika itu.

"Bagi mengelak kejadian sama berulang, kami mengalihkan barang ke tempat tinggi dan berharap semuanya selamat walaupun paras air dijangka

lebih tinggi kali ini," katanya.

Warga emas, Arbi Kanan, 78, berkata, dia berpindah lebih awal bagi mengelak kejadian tidak diingini jika melakukannya pada saat akhir. "Kawasan rumah sebelum ini memang sering dilanda banjir kilat dan saya perlu akur arahan pihak berkuasa supaya segera berpindah bagi mengelak kejadian buruk.

"Keadaan kesihatan saya juga tidak menentu kerana penyakit kencing manis dan semua keperluan asas disediakan pihak berkuasa di pusat pemindahan," katanya.



KELIHATAN paras air mula naik berikutan fenomena air pasang besar di Kampung Tok Muda, Kapar.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang Penolong Kanan Penguasa Bomba Zaidi Ahtan berkata, 14 pusat pemindahan mangsa banjir dibuka di daerah ini dan pihaknya turut melancarkan tinjauan ke setiap rumah penduduk terutama di Kampung Tok Muda untuk arahan berpindah.

"Sebagai langkah bersiap sedia, empat bot termasuk dua milik bomba diletakkan di lokasi pemindahan, selain dua lori dan jentera.

"Semua pusat pemindahan dibuka sehingga Rabu ini dan kita menasihatkan penduduk terutama di lokasi

berisiko segera berpindah," katanya.

Jawatankuasa Bencana Negeri Selangor meramalkan 17 lokasi membabitkan lima daerah di negeri ini berkeungkinan menghadapi banjir berikutan fenomena air laut pasang dengan paras tertinggi mencecah 5.7 meter dan dijangka berlaku sehingga Rabu ini.

Fenomena air pasang besar yang berlaku pada akhir September lalu merekodkan ketinggian air hingga 5.6 meter dan mengakibatkan 200 mangsa daripada 50 keluarga di beberapa daerah dipindahkan kerana banjir kilat.

FAKTA

Tinjauan mendapati penduduk sibuk alih barang ke tempat tinggi dalam rumah